

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA**  
**KAWASAN : TASEK GELUGOR**  
**TARIKH : 23 MEI 2016, ISNIN**

**SOALAN:**

**YB. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status naik taraf kawasan R&R (PLUS) dari segi jumlah kawasan yang telah dan yang belum diselenggara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak pengurusan Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS), iaitu PLUS Malaysia Berhad sentiasa komited untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna lebuh raya tersebut. Ini termasuklah memastikan kesemua Hentian Rehat dan Rawat (R&R) dan Hentian Sebelah di sepanjang lebuh raya tersebut menjadi tempat yang selesa bagi keperluan pengguna yang semakin meningkat.

Pada masa kini terdapat 28 Hentian Rehat dan Rawat (R&R) termasuk 4 Restoran Jejantas; dan 43 Hentian Sebelah di sepanjang Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS). Hampir semua R&R dan hentian sebelah terbabit telah mengalami proses naik taraf secara berperingkat-peringkat sejak PLUS mula beroperasi sejak tahun 1994. Secara keseluruhannya pihak PLUS telah membelanjakan lebih daripada RM200 juta sejak dari tahun 2001 untuk menaik taraf hentian R&R dan hentian sebelah di sepanjang lebuh raya tersebut.

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN ( 49 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23 MEI 2016  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG  
[ BAGAN ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dan menjelaskan pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan penyelenggaraan rumah pangsa adalah tanggungjawab pusat atau Kerajaan Negeri. Sekiranya di bawah Pusat, senaraikan projek-projek berkaitan, lokasi serta kos berkaitan sejak 2008. Kenapa Pulau Pinang menerima bilangan unit PPR terendah iaitu hanya 999 unit (kurang 0.98%) berbanding 102,118 unit daripada jumlah keseluruhan seluruh negara.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan bagi pembinaan sesebuah Projek Perumahan Rakyat (PPR) adalah berdasarkan kepada permohonan daripada pihak Kerajaan Negeri. Pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menyenaraikan semua cadangan projek PPR yang dikemukakan dan cadangan-cadangan ini akan dikaji dari pelbagai aspek seperti kesesuaian tapak, keperluan teknikal dan lain-lain yang berkaitan. Kelulusan pelaksanaan projek PPR juga adalah tertakluk kepada peruntukan tahunan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan.

KPKT bertanggungjawab dalam pembinaan projek PPR manakala selepas projek siap dibina, projek tersebut akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri akan bertanggungjawab bagi proses pengisian penyewa atau pembeli dan juga kerja-kerja penyelenggaraan rumah PPR tersebut.

Berikut adalah senarai projek yang dilaksanakan di Pulau Pinang sehingga Mei 2016:

BIL	NAMA PROJEK	PARLIMEN	UNIT	KOS (RM)
<b>PROJEK SIAP</b>				
1	PPR Lorong Selamat, Georgetown (Taman Manggis)	Tanjung	316	19,039,420.28
2	PPR Jalan Thamby, Butterworth	Bagan	382	23,555,169.92
<b>DALAM PEMBINAAN</b>				
3	PPR Kg. Tok Suboh, Seberang Perai Tengah.	Batu Kawan	231	29,472,997.00
4	PPR Mak Mandin, Butterworth	Bagan	70	9,100,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>999</b>	<b>81,167,587.20</b>

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016